

## **Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan**

Hisham Bin Sabri dan Zulkifli Bin Hasan  
Universiti Sains Islam Malaysia<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Zakat secara dasarnya membantu umat Islam yang kurang berkemampuan. Pengurusannya mestilah telus dan berdaya saing dalam menyaingi kerancakan ekonomi global. Pengagihannya telah ditentukan mengikut peruntukan syariah berlandaskan kepada al-quran dan as-sunnah. Sehubungan itu, asnaf zakat berupaya mendapat bantuan kewangan yang secukupnya untuk keperluan keluarga mereka. Namun begitu, satu anjakan paradigma boleh diimplimentasikan apabila golongan asnaf berkenaan diberikan pendedahan tentang keusahawanan. Ia boleh dilakukan melalui institusi pelaksanaan zakat sama ada pembentukan modal insan ataupun penyaluran modal. Kesan daripada itu, maka asnaf berkenaan akan melalui proses perubahan iaitu bertukar status kepada pembayar zakat sama ada zakat tijarah, fitrah dan sebagainya. Pelaksanaan pengurusannya sama ada dengan mewujudkan skim usahawan asnaf ataupun penjanaan ushawan secara berkelompok.

### **Pendahuluan**

Harta kekayaan amat bermakna kepada manusia jika dimanipulasikan ke jalan yang dituntut oleh Islam. Dan sekiranya harta itu dibelanjakan ke jalan yang bermanfaat, maka sudah pasti aset berkenaan akan menjadi penjamin kepada mereka untuk masuk ke dalam syurga kelak. Justeru itu, jika kewajipan zakat itu dilaksanakan dengan ruh keislaman, maka kerangka rukun Islam yang ke empat iaitu kewajipan menunaikan zakat akan mendapat keberkatan Allah s.w.t.

Namun begitu, jika mereka ingkar membayar zakat sedangkan mengetahui tentang kewajipan serta kepentingannya, maka mereka akan mendapat balasan daripada Allah S.W.T. Kekuatan yang dimiliki oleh dana zakat ini amat besar sehingga mampu memberikan impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ia telah berlaku semasa pemerintahan khulafa al-rashidin sehinggakan sumber kewangan negara dan perkembangan ekonomi mencapai tahap yang amat memberansangkan.

### **Pendefinisian zakat**

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam pada 8-9. Ogos. 2006 di Kolej Islam Pahang Sultan Ahamad Shah (KIPSAS), Kuantan.

Harta tersebut dinamakan zakat kerana harta yang asal akan subur dengan keberkatan pengeluarannya dan doa orang yang menerimanya. Ia juga seolah-olah menyucikan semua baki harta daripada syubhat (kesamaran) dan melepaskannya daripada segala hak yang berkaitan dengannya, khususnya hak-hak orang yang memerlukan dan orang-orang kafir. Ia juga pada dasarnya adalah satu bentuk pemberian secara sukarela kepada mana-mana pihak dengan tujuan untuk mendapat pahala dari Allah s.w.t.<sup>2</sup>

Namun begitu, jika ditinjau definisi zakat oleh fuqaha' menyatakan harta tersebut dinamakan zakat kerana harta yang asal akan subur dengan keberkatan pengeluarannya dan doa orang yang menerimanya mengikut kadar dan masa tertentu<sup>3</sup>. Ia juga seolah-olah menyucikan semua baki harta daripada syubhat (kesamaran) dan melepaskannya daripada segala hak yang berkaitan dengannya, khususnya hak-hak orang yang memerlukan dan asnaf yang lapan<sup>4</sup>. Pembayar zakat ini pula merangkumi pelbagai jaringan antaranya zakat harta, perniagaan, fitrah, tanaman dan sebagainya<sup>5</sup>. Selain itu, zakat adalah sebahagian daripada harta yang wajib diberikan kepada golongan tertentu dengan memenuhi segala syarat dan kadar yang tertentu<sup>6</sup>. Antara syarat yang perlu dipenuhi laha merangkumi aspek *nisab*, *haul* dan *kadarnya*<sup>7</sup>.

### **Asnaf Zakat Menurut Perspektif Syariah**

Dalam pembentukan sesuatu masyarakat manusia, sudah pasti wujudnya perbezaan dalam capaian pendapatan seisi rumah. Jurang perbezaan dari segi sumber kekayaan sudah pasti terhasil natijah kekuasaan Ilahi dan kudratNya. Sebahagiannya menerima rezeki yang melimpah ruah manakala yang lain pula terpaksa berhempas pulas

---

<sup>2</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlmn.: 4

<sup>3</sup> Mohammad Daud Ali. 1988. *Sistem Ekonomi Islam Zakat Dan Wakaf*. Penerbit Universitas Indonesia. Hlmn. 32

<sup>4</sup> Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, Terj. Juanda Bin Yahya. 1999. *Fiqh al-Manhaji fi Mazhab Imam aal-Syafie*. Pustaka Salam Sdn. Bhd. Jilid ke-3. Hlmn.279


<sup>5</sup> `Imam Ibnu Daqiq al-'Aid. 1999. *Tuhfat al-Labib Fi Sharh al-Taqrir*. Terbitan Dar al-Atlas, Riyadh. Hlmn: 156.

<sup>6</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Panduan Zakat Di Malaysia*. Cetakan Percetakan Nasional Berhad, K.Lumpur. Hlmn.2

<sup>7</sup> Kamil Mustafa. 2000. *Ahkam al-Ibadat Taharah, Solat, Zakat, Saum, Hajj*. Terbitan Muassasah al-Risalah, Beirut. Hlmn: 285.

dalam mencari sesuap nasi. Begitulah senario yang berlaku dalam stratifikasi ekonomi sesebuah masyarakat.

Oleh yang demikian, Allah s.w.t. telah menetapkan agar golongan yang kurang berkemampuan dari aspek material diberikan pembelaan yang sewajarnya. Manakala individu yang berkemampuan dan mempunyai latarbelakang kewangan mencukupi, maka mereka perlu membayar zakat. Ditambah pula dengan syarat lain antaranya ialah Islam dan merdeka<sup>8</sup>. Kesenambungan daripada itu, al-Quran telah menerangkan mengenai skop agihan zakat berdasarkan apa yang telah ditetapkan oleh syara'. Asnaf tersebut sepertimana yang dijelaskan dalam surah At-Taubah ayat 60:



*"Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana"*

Berdasarkan ayat diatas, Allah s.w.t. telah menerangkan tentang kelayakan dan penetapan asnaf penerima zakat. Ia meliputi 8 golongan yang diperuntukkan oleh al-Quran. Kesemua aset zakat ini seharusnya dikutip oleh amil yang telah dilantik mengikut ruh perundangan Islam<sup>9</sup>. Antara golongan yang menjadi penerima zakat ialah<sup>10</sup>:

<sup>8</sup> Syeikh Shamsuddin Bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini. 1997. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Dar al-Ma'rifah, Beirut. Cetakan Pertama. Jilid Pertama. Hlmn.: 601.

<sup>9</sup> Mar'aa Bin Yusuf al-Karami. 1996. *Dalil al-Talib linail al-Matalib*. Muassasah al-Risalah, Beirut. Cetakan Pertama. Hlmn.: 186.

<sup>10</sup> Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbini. 1999. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd. Jilid ke-2. Hlmn.:320.

- Fakir : Ia merupakan golongan yang tidak mampu menyara kehidupan keluarga pada tahap yang minimum. Selain itu, golongan ini yang tidak meminta-minta untuk mendapatkan sumber kewangan dari masyarakat umum.
- Miskin : Orang yang memiliki sesuatu untuk menampung keperluannya dan cukup untuk sebahagian dirinya.
- Amil : Pegawai dan pemungut zakat yang dilantik oleh pemerintah untuk mengumpul dan membahagikan harta zakat berkenaan. Mereka akan diberikan upah berdasarkan kerja pungutan yang dilakukan.
- Muallaf : Orang yang baru memeluk agama Islam dimana mereka akan diberikan wang zakat berkenaan untuk tujuan meneruskan penghidupan sebagai seorang muslim. Ia bagi membantu mereka khususnya jika menghadapi kesulitan berkaitan kewangan dari keluarga mereka yang tidak beragama Islam.
- Riqab : Harta zakat yang digunakan untuk membebaskan hamba. Hamba yang dimaksudkan ialah golongan mukatab yang berakad dengan tuan mereka untuk dibuat pembayaran bagi tujuan pembebasan.
- Gharim : Orang yang dibebani hutang dan tidak mampu membayarnya. Oleh itu, mereka akan diberikan sejumlah wang dengan tujuan untuk melunaskan hutang mereka yang telah matang.
- Fisabillilah : Pemberian harta zakat kepada golongan yang berperang dan berjuang secara sukarela demi menegakkan syiar Islam. Sedangkan pada masa yang sama, perjuangan mereka itu tidak diberikan upah dan gaji daripada orang Islam.
- Ibnu Sabil : Orang yang bermusafir dengan perjalanan yang dibenarkan syarak dan memerlukan sedikit wang bagi meneruskan perjalanan berkenaan. Namun, jika niat perjalanannya untuk tujuan maksiat, maka pemberian harta zakat adalah dilarang oleh syariat.

### **Hipotesis hubungan dalil naqli dan keusahawanan seta relevensinya dengan agihan zakat**

Semenjak awal kemunculan Islam lagi, suruhan melakukan pekerjaan adalah menjadi suatu tuntutan dan perbuatan meminta-minta pada orang lain itu sama sekali tidak digalakkan. Rasulullah s.a.w. dalam satu ungkapan nasihatnya sebagaimana berikut :

" لأن يأخذ أحدكم حبله فيحتطب على ظهره خير من أن يأتي رجلا أعطاه الله من فضله فيسأله أعطاه أو منعه ."

Yang bermaksud :

***“Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan. ”***

Muttafaquun alaih.

Sokongan dan desakan bekerja oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah menepati kehendak Allah s.w.t. sebagaimana di dalam surah al-Taubah : 105 dengan firmanNya :

وقل اعملوا فسيرى الله عملكم ورسوله والمؤمنون و ستردون إلى علم الغيب و الشهادة فينبئكم بما كنتم تعملون.

Yang bermaksud :

***“Dan katakanlah (wahai Muhammad) : Beramallah kamu (dengan berasaskan perintah Allah s.w.t.) maka Allah dan Rasulnya serta seluruh orang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan .....”***

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah tidak sekali-kali mempersia-siakan sebarang pekerjaan yang dilakukan oleh umat Islam bahkan senantiasa diberi perhatian oleh Allah s.w.t. dan rasulNya<sup>11</sup>. Ia merangkumi aspek jihad fi sabillah serta penglibatan diri untuk mencari rezeki dan seterusnya memberi dorongan kepada orang-orang mukmin yang lain.

Selain itu, menurut hadis dari Ibnu Abbas r.a., ketika Nabi Muhammad s.a.w. megutus Muaz Bin Jabal untuk mewakili beliau sebagai gabenor di Yaman, antara lainnya ialah Nabi menegaskan bahawa zakat adalah harta yang diambil oleh orang-orang kaya untuk diagihkan kepada yang berhak menerimanya seperti fakir dan miskin, Ibnu

<sup>11</sup> Abi Ja'far Muhammad al-Tabari. 2001. *Jami' al-Bayan An Ta'wil Aiy al-Quran*. Dar al-Thaqafiyah al-Arabiyyah, Beirut. Jilid ke-11. Hlmn.: 20.

sabil dan sebagainya<sup>12</sup>. Sehubungan dengan itu, penerangan melalui al-quran serta sunnah Nabi Muhammad s.a.w. bahawa dana zakat perlu diberikan kepada yang kurang berkemampuan adalah cukup signifikan. Ia menunjukkan bahawa Islam tidak lupa kepada generasi yang kurang bernasib baik dari aspek pengekonomian. Namun begitu, pada masa yang sama juga, al-quran menegaskan supaya umatnya terus bekerja keras dalam mencari rezeki yang halal. Oleh itu, pekerjaan seperti melibatkan diri dalam keusahawan dan dunia bisnes dengan sokongan bantuan dari dana zakat sudah pasti akan memberikan keberkatan.

### **OBJEKTIF AGIHAN ZAKAT SECARA KOLEKTIF**

Dalam melaksanakan tuntutan Ilahi melalui zakat, maka secara dasarnya ia mampu memberikan keseimbangan dari aspek pembangunan ekonomi di kalangan masyarakat<sup>13</sup>. Bahkan jika ditinjau dengan lebih jauh lagi, ia dijana untuk memberikan keselesaan umat Islam di muka bumi ini secara kolektif. Namun begitu, harus diingat bahawa sumbangan zakat yang diperolehi perlu digunakan dengan sebaiknya dan tidak membazir<sup>14</sup>. Ia adalah keperluan optimum bagi meneruskan kehidupan secara tabie.

Selain itu, ia juga bertujuan menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang dikalangan umat Islam. Hubungan ukhuwah yang terjalin ini melalui institusi zakat boleh memberikan impak yang amat baik serta menyatupadukan umat manusia<sup>15</sup>. Golongan yang kurang berkemampuan akan dibantu oleh golongan yang kaya dengan memberikan sumbangan material mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarak. Oleh itu, jika difokuskan kepada agenda kerajaan negeri, maka secara tidak langsung ia akan mengurangkan kadar kemiskinan di setiap negeri. Kesannya sudah pasti dirasai oleh pembangunan sosioekonomi di negeri berkenaan. Rentetan daripada itu juga, pelbagai

---

<sup>12</sup> Qahtan Abdul Rahman al-Dawriyy. 1999. *Sofwah al-Ahkam min Nail al-awtar wa Subul al-Salam*. Cetakan Dar al-Furqan, Jordan. Hlmn: 103.

<sup>13</sup> Yusuf al-Qaradhawi. 1997. *Fiqh al-Zakat*. Muassasah al-Risalah. Cetakan ke-14. Jilid ke-2. Hlmn:880.

<sup>14</sup> Syeikh Ammar Bin Ali al-Syurnablali. 1995. *Maraqi al-Falah biimdad al-Miftah*. Dar al-Kutub al-ilmiyyah, Beirut. Cetakan Pertama. Hlmn.: 264.

<sup>15</sup> Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbini. 1999. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd. Jilid ke-2. Hlmn: 280.

program agihan zakat boleh dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan semasa asnaf bagi meningkatkan pendapatan seisi rumah mereka.

Seperti yang sedia maklum, individu mahupun sektor korporat perlu membayar zakat. Sehubungan itu, sudah pasti kutipan zakat khususnya di sekitar lembah Klang memperolehi kutipan yang tinggi. Perkara ini boleh dilihat seperti apa yang dilakukan oleh agensi kewangan seperti Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) telah menunaikan zakat perniagaan sebanyak RM127,111.39 kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS dalam satu majlis ringkas di sini pada 28 April, 2005. Begitu juga beberapa agensi yang lain seperti Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menyerahkan zakat perniagaannya untuk negeri Selangor sebanyak RM3,999,081.49, P.E.S.B Engineering Sdn. Bhd. (PESB) membayar zakat perniagaan sebanyak RM264,522.51<sup>16</sup> dan sebagainya.

### **Paradigma perubahan asnaf dalam keusahawanan melalui aset zakat**

Dalam menjana ekuiti usahawan, maka Islam juga telah menggariskan beberapa peraturan kewangan dalam mewujudkan dana untuk manfaat umat Islam. Oleh kerana itu, sudah banyak instrumen kewangan Islam sedang hangat diperbahaskan memandangkan ia mampu memberikan sumbangan yang besar untuk manfaat bersama. Bagi merealisasikan semula jentera kewangan Islam sepertimana yang telah dilaksanakan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dan para khulafa' al-rashidin, negara kita telah menubuhkan beberapa institusi berkaitan kewangan Islam. Oleh itu, institusi zakat khususnya telah diberikan amanah yang lebih tirus dalam menangani kesempitan hidup bagi golongan yang tidak berkemampuan di negara ini.

Pelaksanaannya yang telah berjaya semasa zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. perlu dijadikan panduan kepada negara ini. Modus operandi yang digunakan ialah umat Islam ketika itu perlu melaksanakan tanggungjawab dengan membayar zakat dalam membangunkan syiar Islam. Dengan kewujudan dana zakat ini, pelbagai aktiviti dakwah

---

<sup>16</sup> <http://www.zakatsel.com.my/baru/sistem/berita2/baca.asp?idno=339>

dapat dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. disamping memberikan sumbangan bagi golongan fakir dan miskin, Selain itu, dana berkenaan juga dapat dimanfaatkan juga dalam aspek ketenteraan.

Pada peringkat awalnya, sesebuah institusi zakat telah memberikan sumbangan berbentuk makanan dan wang ringgit untuk perbelanjaan seharian bagi keluarga yang dhaif. Ia bertujuan bagi meringankan bebanan keluarga disamping memberikan ruang kepada mereka untuk menikmati keselesaan seperti yang dinikmati oleh masyarakat umum. Namun, dalam konteks negara kita ini, pihak pengurusan zakat perlu memikirkan tentang cara bagaimana untuk mengelakkan keluarga fakir dan miskin ini terus mendapat sumbangan kewangan tanpa mempunyai semangat berdikari serta sikap kebergantungan kepada pusat zakat khususnya.

Oleh itu, pada masa sekarang, satu anjakan paradigma amat perlu dilakukan. Selain dari pemberian wang zakat tahunan kepada orang miskin, maka boleh dicadangkan untuk penggemblingan modal insan di kalangan asnaf dalam aspek pembangunan aset negara. Ia boleh digerakkan melalui kaedah pengadaptasian golongan peniaga dan usahawan. Sebelum satu penerangan yang lebih lanjut dibuat, adalah baik jika diperhalusi pendefinisian usahawan. Mengikut pandangan Dr. Barjoyai bardai, konsep usahawan merupakan satu sifat dan sikap yang perlu wujud dan dipupuk di dalam jiwa semua orang tidak mengira sama ada mereka peniaga, pengurus, pentadbir, ahli professional mahupun golongan yang bekerja sendiri. Usahawan juga perlu mengambil risiko tetapi perlu disiapkan dengan kemahiran dalam bidang kepakaran mereka serta idea yang bernas<sup>17</sup>. Selain itu, usahawan juga perlu mengetahui cara pengoperasian bisnesnya serta mampu mengadakan pemasaran secara agresif<sup>18</sup>. Sehubungan itu, beberapa ideologi baru yang dicanangkan oleh tokoh korporat seharusnya boleh dijadikan pegangan dan ikutan seperti “jihad bisnes”. Persepsi jihad bukan hanya melihat kepada mengangkat senjata dan berhadapan dengan musuh untuk tujuan peperangan, bahkan ia boleh dikembangkan

---

<sup>17</sup> Raymond W.Y.Kao. and Tan Wee Liang. 2001. *Entrepreneurship and Enterprise Development in Asia*. Prentice Hall. Hlmn.:5.

<sup>18</sup> Julian Birkinshaw. 2000. *Entrepreneurship and Global Firm*. SAGE Publication, London. Cetakan Pertama. Hlmn.: 64.



dalam konteks bisnes. Sesebuah negara yang mempunyai kestabilan ekonomi dan menjadi salah satu pusat perdagangan dunia mampu membuat keputusan dalam mencorak pentadbiran di sesebuah negara yang lain. Ia sudah pasti mempunyai inkubator pembangunan usahawannya sendiri bagi melahirkan jatidiri usahawan yang berkaliber. Bahkan, bagi menjamin kestabilan ekonomi dan pendapatan bulanan, maka satu jaringan rakan niaga perlu dikemaskinikan<sup>19</sup>. Justeru itu, adalah satu kewajipan bagi negara dan pihak berkepentingan dalam mencorak dan mencerna pembangunan usahawan supaya lebih berdaya saing dalam mengharungi dunia serba mencabar serta perkembangan aspirasi globalisasi masakini.

Disamping itu, faktor-faktor yang mendorong kearah pengembangannya juga boleh diadaptasikan dalam penjanaan ekonomi umat Islam. Ramai yang beranggapan bahawa seseorang usahawan tidak mungkin berjaya jika tidak mempunyai modal yang besar dalam menjalankan perniagaannya. Namun ungkapan itu boleh disanggah sama sekali memandangkan sudah ramai yang berjaya dalam sektor perniagaan yang bermula dengan berniaga secara kecil-kecilan. Namun apa yang penting ialah kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam mencapai matlamat yang dikehendakinya<sup>20</sup>.

Keprihatinan yang ditunjukkan oleh Lembaga Zakat Selangor dalam menjana tenaga usahawan di kalangan asnaf amat dihargai. Contohnya dengan kewujudan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ), ia telah memberikan semangat yang tinggi kepada sebahagian penerima asnaf yang lain untuk terus mengikut jejak langkah sahabat mereka yang lain. Pembuktiannya telah terpancar apabila seorang Pengusaha IKS-Bahulu dan kerepek, Mohd Tohid Sidek,41 memenangi anugerah Usahawan Terbaik Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) 2005 (keseluruhan) dalam Konvensyen Asnaf Zakat anjuran Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS yang diadakan pada 25 Februari 2006. Beliau yang telah bergiat dalam bidang ini selama 12 tahun mengakui bantuan daripada LZS (MAIS) adalah salah satu punca kejayaannya. Daripada pendapatannya hanyalah

---

<sup>19</sup> Ab. Aziz Yusof. 2000. *Usahawan dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok. Hlmn.: 87.

<sup>20</sup> Donald F.Kuratko & Richard M. Hodgetts. 2004. *Entrepreneurship; Theory, Process, Practice*. Thomson, South Western, Ohio. Cetakan ke-6. Hlmn.: 58.

sebanyak RM5 semasa mula bergiat dalam bidang ini kini beliau mampu memperoleh pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan. Tohid yang telah bebas daripada golongan asnaf telah mula membayar zakat dua tahun yang lalu.

Selain daripada itu, kewujudan skim ini sebenarnya bertujuan menyediakan platform ‘pertama’ untuk kelompok asnaf fakir miskin yang produktif yang dikenalpasti bagi didedahkan dengan program pembangunan ekonomi LZS (MAIS). Selain itu ia juga bertujuan memberi maklumat ‘signifikan’ berhubung menjana pendapatan tambahan dan pembentukan karakter keusahawanan, memberi motivasi dan pembentukan nilai positif kepada peserta untuk membuat anjakan paradigma khususnya dalam hal menjana pendapatan tambahan.

### **Proses Modus Operandi Bagi Pembentukan Usahawan Zakat**

Kenaikan harga minyak yang semakin ketara dan lonjakan ekonomi yang amat tinggi telah mengundang kepada kos sara hidup diri yang kian meningkat. Kesannya sudah pasti akan dirasai oleh peringkat masyarakat yang berpendapatan rendah. Justeru itu, tidak hairanlah jika mungkin berlaku pertambahan jumlah asnaf penerima zakat pada masa hadapan. Oleh itu, langkah drastik yang diambil oleh Lembaga Zakat Selangor khususnya dengan merekrut usahawan dari golongan asnaf adalah amat bertepatan pada masa sekarang.

Sumber zakat sememangnya harus diberikan kepada asnaf yang telah diiktiraf syarak. Ia dijadikan salah satu sumber asasi bagi golongan berkenaan hasil perolehan zakat<sup>21</sup>. Namun persoalannya, adakah golongan berkenaan akan terus menerima wang kutipan zakat dan diwarisi oleh generasi pelapis. Sudah pasti, masalah kemiskinan akan terus bertambah dan hasil kutipan zakat akan banyak disalurkan untuk tujuan tersebut. Oleh itu, satu perubahan dari aspek kewangan keluarga perlu dibentuk. Namun, ia memerlukan keringat pemikiran untuk mengubah mentaliti golongan asnaf ini. Oleh itu, program bengkel berkaitan pengurusan kewangan dan rancangan perniagaan adalah perlu dilaksanakan bagi yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Golongan

---

<sup>21</sup> Imam Ibnu al-Qudamah. 1996. *al-Mughni*. Dar al-Hadis, Kaherah. Cetakan pertama. Hlmn.: 497.

berkenaan yang berpotensi boleh digemblingkan secara kolektif untuk meningkatkan sumber kewangan keluarga masing-masing.

Peringkat awalnya seperti mengadakan aktiviti bengkel oleh Pusat Zakat Selangor contohnya boleh dijadikan teladan dalam meningkatkan taraf hidup keluarga fakir dan miskin. Latihan yang seumpama ini boleh memberikan input berguna kepada golongan berkenaan. Disamping itu, minda golongan ini akan lebih terbuka serta memberikan semangat kepada yang seangkatan dengan mereka untuk mengubah corak kehidupan keluarga masing-masing.

Antara kebaikan bagi golongan asnaf yang memeberanikan diri dalam dunia bisnes ini ialah mereka mampu memberi ruang dan peluang kepada sahabat mrereka yang senasib. Ia juga mampu menambahkan sumber rezeki seseorang usahawan asnaf berkenaan. Secara tidak langsung, ruang rezeki itu akan terus menyumbang ke arah pembangunan sosiaekonomi umat Islam amnya. Namun begitu, dalam memajukan bisnes yang diceburi, maka usahawan berkenaan perlu melangkah lebih jauh dengan menembusi pasaran global<sup>22</sup>. Ia amat penting bagi meningkatkan prestasi syarikat supaya lebih berdaya saing dalam dunia yang tanpa sempadan dewasa ini.

Bagi memantapkan kewajaran dana zakat dan sumbangannya kepada golongan asnaf fakir miskin, kemajmukannya boleh digarapkan apabila nisbah sumbangannya mampu meningkatkan kuantiti generasi yang terkeluar dari asnaf penerima zakat. Peluang pekerjaan yang lebih luas boleh disediakan apabila perniagaannya terus berkembang maju. Sehubungan itu, ia akan memudahkan golongan asnaf yang senasib dengan mereka pada ketika dahulu terus mengorak langkah dan mengikuti jejak langkah yang sama.

Kitaran kewangannya juga akan beroperasi bermula dengan zakat dan seterusnya akan menjana seorang usahawan dari golongan asnaf. Namun begitu, proses pemantauan


---

<sup>22</sup> Elizabeth Chell. 2001. *Entrepreneurship; Globalisation, Innovation, Development*. Thomson Learning, London. Cetakan Pertama. Hlmn.: 27.

dan penganalisaan perlu diteliti khususnya dalam dua blok utama. Ia merangkumi semasa proses merekrut asnaf yang mempunyai minat yang amat tinggi dalam bisnes dan proses menjaga penyelarasan bisnes selepas perniagaan itu dijalankan.

Pemantauan ini adalah amat perlu bagi mengenalpasti dan menjaga kewangan yang sudah pasati melibatkan aliran wang tunai perniagaan serta penyata kewangan syarikat berkenaan. Pelaksanaannya boleh diilustrasikan seperti berikut :

### Model Proses “Turning Over” dalam pengurusan zakat melalui keusahawanan



Model ini sebenarnya telah diimplimentasikan oleh Lembaga Zakat Selangor secara langsung. Pendekatan positif yang dilakukan ini amat bermanfaat. Ia berupaya menjana jaminan sosial yang lebih progresif. Kesannya sudah pasti memberikan ransangan kepada umat Islam amnya. Pengeluaran zakat yang dahulunya diperolehi oleh asnaf miskin contohnya, telah dijana semula oleh mereka sehingga mampu membayar zakat kepada pemberi modal (Pusat Zakat Negeri).

Dalam menjana kekuatan ekonomi umat Islam khususnya yang menerima bantuan zakat, satu rancangan jangka panjang adalah amat perlu dilaksanakan. Ia mempunyai beberapa bentuk latihan dalam memberikan pengetahuan yang mantap berkaitan pengurusan kewangan individu dan keluarga. Sesuatu latihan yang diberikan seharusnya memberikan impak yang berguna. Walau bagaimanapun, ia seharusnya dilakukan kepada generasi yang berminat untuk mengikutinya secara serius. Tujuan mewujudkan latihan ini ialah bagi membuat perubahan dari sudut penjanaaan zakat.

Kesannya, golongan ini tidak lagi menerima zakat bahkan mereka pula yang menghulurkan zakat. Dalam erti kata yang lain, setelah seseorang itu bergelar “usahawan berjaya”, maka proses agihan zakat akan menjadi “turning over”. Jika dahulunya seseorang itu menerima zakat, namun setelah bergelar usahawan, aliran zakat itu berlaku sebaliknya dan mengubah status kepada pembayar zakat. Pemberian zakat oleh golongan ini juga akan menjadi berlipat kali ganda memandangkan pembayaran zakat oleh golongan ini meliputi zakat fitrah dan zakat perniagaan. Mengikut pandangan ulamak, pembayaran zakat perniagaan boleh memberikan impak kepada dana zakat. Ia dibuat mengikut perkiraan 2.5% atas harta perniagaan yang layak dizakat yang bersamaan atau melebihi nisab yang telah ditetapkan oleh para ulamak.

Antara pengimarahannya dalam sektor keusahwanan ini juga telah dapat diteruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (PZS) MAIS. Aktiviti seperti mengadakan program Hijrah Kerjaya Asnaf boleh digunapakai dan dijana di negeri masing-masing. Program ini adalah salah satu bentuk bantuan yang diberikan kepada asnaf fakir/miskin dan

berterusan sepanjang tahun. Ia mempunyai beberapa tahap iaitu tahap pertama yang bertujuan mendidik asnaf mengenal diri, potensi dan kebolehan yang dimiliki. Ia bertujuan bagi menyuntik semangat kepada asnaf berkenaan untuk mereka bangun semula dalam meniti kehidupan baru dan mampu berdikari untuk manfaat keluarganya. Pada program ini, seseorang itu akan ditekan aspek motivasi diri dan mengubah paradigma pemikiran supaya bergerak ke arah memantapkan kewangan keluarga. Apabila kursus tahap pertama tamat peserta akan diberikan pula kursus tahap kedua iaitu penekanan dalam bidang kemahiran dan teknikal. Oleh yang demikian, minat dan kecenderungan seseorang amat dititik beratkan khususnya bagi memberikan impak yang mendalam dan berkesan dalam kursus yang diadakan.

Sebagai contoh, jika seseorang itu berminat dalam bidang makanan, maka Pusat Zakat akan memberikan panduan dalam bidang berkenaan. Setelah itu, para asnaf juga akan menilai sendiri keupayaan masing-masing dan seterusnya memilih bidang yang diminatinya. Pada masa yang sama juga, Pusat Zakat akan memantau dan meninjau potensi peserta kursus. Jika ia menepati kehendak penganjur, maka berkemungkinan pihak Pusat Zakat akan memutuskan bantuan seterusnya khususnya berkaitan penyediaan sumber kewangan dan rancangan perniagaan. Sehingga kini kursus kemahiran yang telah diberikan menekankan 5M iaitu memasak, menjahit, menganyam, mengasuh dan mengurut. Selain itu, untuk menambahkan lagi produktiviti negara, pihak penganjur atau pusat zakat boleh mengeluarkan dana untuk mewujudkan projek ekonomi berkelompok. Projek yang seumpama ini boleh dibangunkan dikawasan kampung untuk membantu golongan fakir dan miskin untuk menambah pendapatan mereka. Antara projek yang dijalankan ialah projek ternakan ikan air tawar, projek penanaman sayur secara komersial, projek keropok lekor, projek kerepek, projek ternakan udang/kerang dan lain-lain lagi yang mampu menjana sumber ekonomi golongan berkenaan.

## **Kesepaduan ilmu yang perlu dimiliki oleh golongan usahawan asnaf.**

Kemahiran usahwan dalam bidang tertentu yang bersifat "hands-on" sahaja tidak mencukupi. Penguasaan ilmu juga perlu dititik beratkan dan dijadikan teras kepada kemajuan dalam bidang bisnes. Ia boleh dicerna sama ada kepada individu, masyarakat dan negara. Begitu juga dalam dunia keusahawanan, ilmu pengkhususannya perlu dimiliki secara integriti. Antara tujuhan ilmu yang perlu diketengahkan jika seseorang individu berminat dalam bidang keusahawanan adalah seperti berikut <sup>23</sup>:

1. Ilmu dalaman bagi menjayakan operasi bisnes seperti teknik dan operasi pengeluaran; pembelian dan dokumentasi, penyusunan dan pembahagian kerja; jualan dan pemasaran; kewangan, akaun dan aliran wang tunai.
2. Ilmu teknikal, sains dan teknologi yang relevan serta menyumbang kepada produktiviti, peningkatan kualiti, keupayaan penyelidikan untuk pembaharuan produk dan pengeluaran produk baru serta ilmu yang dapat membantu dalam penguasaan pemasaran berterusan serta mencipta pasaran baru.
3. Ilmu dan teknologi organisasi termasuk ilmu pengurusan sumber manusia, memotivasi anggota, membina dan membentuk organisasi sesuai dengan budaya organisasi mengikut tuntutan semasa demi kelangsungan bisnes.
4. Ilmu untuk mengenali dan menangani faktor luaran yang mempengaruhi halatuju bisnes, membantu dalam menangani persaingan, mengenali dan menjejak perubahan dalam persekitaran bisnes (fizikal dan bukan fizikal) yang berupaya memberi impak kepada dunia bisnes semasa.
5. Ilmu terpenting khususnya bagi golongan asnaf pula ialah ilmu penghayatan Islam, jiwa dan psikomoto Islamik. Setiap prinsip hidupnya mesti bertepatan dengan kehendak akidah dan akhlak Islamiyyah. Pemahaman falsafah dan psikologi Islam juga amat berguna untuk dijadikan asas motivasi dan mendapatkan sumbangan terbaik dari segala sumber organisasi yang didominasi oleh golongan usahawan muslim.

---

<sup>23</sup> Muhammad Ali Haji Hashim. 2003. *Bisnes Satu Cabang Jihad; Pembudayaan Bisnes Untuk Survival*. Utusan Publication & Distributors. Hlmn:141.

Namun begitu, masih banyak lagi tujahan ilmu yang masih boleh diperhalusi. Keluasan ilmu yang tiada penghujungnya boleh dicerakinkan. Justeru itu, implimentasi kepada keilmuan itu seharusnya bermula dari personaliti usahawan asnaf itu sendiri. Jatidiri usahawan berkenaan perlu bergerak seiringan dengan ilmu yang dimilikinya bagi mencapai al-falah di dunia dan akhirat.

## **Kesimpulan**

Zakat secara hikmahnya adalah untuk membantu golongan asnaf yang diiktiraf oleh syarak. Ia amat berperanan besar dalam menjamin senario perkembangan sosioekonomi umat Islam. Namun begitu, satu anjakan paradigma boleh dicernakan apabila peluang dan ruang dibuka kepada golongan berkenaan menceburi bidang keusahawanan. Sudah pasti, rezeki yang diperolehi boleh menjana dana zakat pada masa hadapan. Dahulunya, individu berkenaan adalah penerima zakat, namun dengan pelaksanaan kerangka bisnes yang diutarakan tadi mampu merubah paradigma tersebut. Senario ini sudah pasti akan memberikan imej yang berkarisma khususnya kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam pensyariatatan zakat.

Berdasarkan segala perancangan yang boleh dimainkan oleh pusat zakat, maka kita mendapati bahawa peranan organisasi berkenaan amat diperlukan. Sudah sampai kepada perubahan yang agak membangun iaitu penyaduran para pegawai yang mempunyai pelbagai latarbelakang bidang konvensional. Namun, ruh perundangan Islam seharusnya diletakkan sebagai batu asas bagi membangunkan organisasi berkenaan. Sehubungan itu, langkah yang diambil oleh sesetengah organisasi zakat dengan membina struktur pentadbirannya meliputi pakar dalam bidang pemasaran, sains teknologi adalah pendekatan yang amat baik. Ia mampu mengembangkan sayap zakat demi meningkatkan sosioekonomi umat Islam amnya. Modul pembentukan keusahawanan ini adalah satu anjakan paradigma dalam stratifikasi sosial umat Islam demi memartabatkan Islam santero dunia.



## Rujukan

Abi Ja'far Muhammad al-Tabari. 2001. *Jami' al-Bayan An Ta'wil Aiy al-Quran*. Dar al-Thaqafiyyah al-Arabiyyah, Beirut.

Donald F.Kuratko & Richard M. Hodgetts. 2004. *Entrepreneurship; Theory, Process, Practice*. Thomson, South Western, Ohio. Cetakan ke-6.

Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbini. 1999. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*.

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, Terj. Juanda Bin Yahya. 1999. *Fiqh al-Manhaji fi Mazhab Imam aal-Syafie*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Elizabeth Chell. 2001. *Entrepreneurship; Globalisation, Innovation, Development*. Thomson Learning, London. Cetakan Pertama.

Imam Ibnu al-Qudamah. 1996. *al-Mi'ughni*. Dar al-Hadis, Kaherah. Cetakan pertama.

Imam Ibnu Daqiq al-'Aid. 1999. *Tuhfat al-Labib Fi Sharh al-Taqrib*. Terbitan Dar al-Atlas, Riyadh.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Panduan Zakat Di Malaysia*. Cetakan Percetakan Nasional Berhad, K.Lumpur.

Julian Birkinshaw. 2000. *Entrepreneurship and Global Firm*. SAGE Publication, London. Cetakan Pertama.

Kamil Mustafa. 2000. *Ahkam al-Ibadat Taharah, Solat, Zakat, Saum, Hajj*. Terbitan Muassasah al-Risalah, Beirut.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Cetakan Pertama.

Mar'aa Bin Yusuf al-Karami. 1996. *Dalil al-Talib linail al-Matalib*. Muassasah al-Risalah, Beirut. Cetakan Pertama.

Mohammad Daud Ali. 1988. *Sistem Ekonomi Islam Zakat Dan Wakaf*. Penerbit Universitas Indonesia.

Muhammad Ali Haji Hashim. 2003. *Bisnes Satu Cabang Jihad; Pembudayaan Bisnes Untuk Survival*. Utusan Publication & Distributors.

Qahtan Abdul Rahman al-Dawriyy. 1999. *Sofwah al-Ahkam min Nail al-awtar wa Subul al-Salam*. Cetakan Dar al-Furqan, Jordan

Raymond W.Y.Kao. and Tan Wee Liang. 2001. *Entrepreneurship and Enterprise Development in Asia*. Prentice Hall.

Syeikh Ammar Bin Ali al-Syurnablali. 1995. *Maraqi al-Falah biimdad al-Miftah*. Dar al-Kutub al\_ilmiah, Beirut. Cetakan Pertama.

Syeikh Shamsuddin Bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini. 1997. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Dar al-Ma'rifah, Beirut. Cetakan Pertama. Jilid Pertama.

Yusuf al-Qaradhawi. 1997. *Fiqh al-Zakat*. Muassasah al-Risalah. Cetakan ke-14.

### **Internet**

<http://www.zakatsel.com.my/baru/sistem/berita2/baca.asp?idno=339>